

13 DEC 1996

Abdullah-Sipadan

MESYUARAT AKAN TETAPKAN PROSEDUR BAWA KES SIPADAN-LIGITAN KE ICJ

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 13 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia akan mengadakan mesyuarat pertama peringkat pegawai pada bulan depan bagi menetapkan prosedur untuk membawa kes tuntutan bertindih terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan yang terletak di luar pantai timur Sabah, ke Mahkamah Antarabangsa (ICJ).

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas yang mengadakan pertemuan dua hala di sini hari ini bersetuju supaya mesyuarat itu diadakan pada awal Januari sebelum bulan Ramadan.

Ada kemungkinan mesyuarat itu akan dilangsungkan di Kuala Lumpur, kata Abdullah kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan itu, yang diadakan selepas majlis penutupan Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini.

Mesyuarat itu merupakan yang pertama bagi menetapkan prosedur bagi membawa kes berkenaan ke ICJ sejak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto mencapai persetujuan untuk membawa isu Sipadan dan Ligitan ke ICJ baru-baru ini.

"Kami berdua bersetuju supaya kedua-dua pihak peringkat pegawai bertemu untuk menetapkan satu macam perjanjian khas tentang bagaimana cara-caranya kes Sipadan-Ligitan ini hendak dibawa ke ICJ," kata Abdullah.

Katanya, pasukan pegawai Malaysia ke mesyuarat itu akan diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Kadir Mohamad.

Abdullah berkata dalam pertemuan itu juga, beliau turut mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Ali mengenai prosedur yang dipakai oleh Malaysia berkaitan dengan kes tuntutannya terhadap Pulau Batu Putih dengan Singapura, yang juga akan dibawa ke ICJ.

Menurutnya, Ali menjelaskan bahawa Indonesia belum mempunyai pengalaman dalam soal itu dan bersetuju supaya pengalaman berkaitan kes Pulau Batu Putih itu dijadikan pedoman dalam membuat prosedur bagi pembentangan kes Sipadan-Ligitan ke ICJ.

Ketika ditanya bila kes Sipadan-Ligitan itu akan dapat dibawa ke ICJ, Abdullah berkata beliau tidak dapat menjangka perkara itu kerana mesyuarat mengenainya pun belum lagi diadakan.

Bagaimanapun, hakikat bahawa kedua-dua pihak akan bermesyuarat adalah cukup penting, katanya.

"Lagi cepat selesai, lagi baiklah," tambahnya. -- BERNAMA

KHY NMO